

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
[ Pengerang ]**

**SOALAN**

**DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID [ Pengerang ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kos operasi untuk kedutaan Malaysia di setiap negara serta berapakah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan untuk membantu persatuan-persatuan pelajar Malaysia di luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerang atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, susulan dari pembentangan Belanjawan Tahun 2019 oleh YB Menteri Kewangan pada 2 November 2018 yang lepas, Kementerian Luar Negeri telah diperuntukkan sejumlah RM632,223,700.00 (RM632.22 juta) bagi peruntukan Belanja Mengurus tahun 2019. Dari keseluruhan peruntukan ini, sebahagian besarnya adalah bagi pembiayaan belanja operasi di Perwakilan Luar Negeri.

3. Secara terperinci, sebanyak RM422,581,100 (RM422.58 juta), iaitu 66.84 peratus dari keseluruhan peruntukan yang diterima adalah bagi menampung perbelanjaan mengurus di Perwakilan Malaysia Luar Negeri bagi tahun 2019. Pada masa sekarang, Kementerian Luar Negeri

mempunyai sebanyak 111 Pejabat Perwakilan Luar Negeri di 84 buah negara.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, tiada peruntukan khas yang disalurkan oleh Kerajaan kepada Kementerian Luar Negeri untuk membantu persatuan-persatuan pelajar Malaysia di luar negara. Ini adalah berikutan terdapat wakil Agensi yang menaja pengajian para pelajar Malaysia di luar negeri melalui tawaran biasiswa atau pinjaman ditempatkan di Perwakilan-Perwakilan Malaysia Luar Negeri tertentu seperti Pejabat Education Malaysia (EM) di bawah Kementerian Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang bertanggung jawab menjaga hal ehwal dan kebajikan para pelajar Malaysia di negara-negara tersebut.

5. Program/Aktiviti yang dianjurkan di Perwakilan Luar Negeri seperti sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha serta *outreach program* bersama rakyat Malaysia di luar negeri yang melibatkan pelajar-pelajar Malaysia adakalanya menggunakan peruntukan hasil kutipan wang secara perkongsian bersama pegawai-pegawai di Perwakilan tersebut.

Sekian, terima kasih.